

UMS azam terus tingkat kerjasama dengan industri

NST 24.3.2017 5

OLEH MARRYAN RAZAN
(marryan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berazam terus untuk meningkatkan kerjasama dengan industri bagi memastikan universiti itu terus relevan sebagai salah satu gedung penyelidikan dan pembangunan di negara ini.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata kerjasama seumpama itu amat penting bagi membolehkan potensi produk penyelidikan dapat dikomersialkan.

Dalam hal ini, beliau menggalakkan penyarah UMS mewujudkan rangkaian kerjasama dengan pihak industri kerana ia boleh memberi faedah dalam memantapkan tahap penyelidikan dan pengajaran di universiti itu.

Sehubungan itu, beliau menyambut baik memorandum perjanjian antara UMS dan Biosain Technologies Sdn Bhd bagi melaksanakan projek usahasama untuk membangunkan satu sistem proses pemulihan minyak.

"Ini merupakan satu lagi mercu tanda untuk UMS dalam mengeratkan hubungan baik dengan beberapa industri yang berpangkalan di Sabah. Kita percaya kita perlu mewujudkan hubungan dengan pengendali industri untuk membolehkan UMS terus relevan kepada negara," katanya.

Mohd Harun berkata demikian dalam teks ucapan sempena Majlis menandatangani memorandum perjanjian (MOA) antara UMS dan Biosain Technologies Sdn.Bhd, di Bangunan Canselori UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMS Prof. Dr. D.Kamarudin D.Mudin.

Turut hadir Pendaftar UMS No'man Datuk Haji Ahmad, Ketua Pustakawan UMS Dayang Rukiah Awang Amit dan Pengarah Biosain Technologies Sdn.Bhd Mr Cheong Sung Yan dan Mr. Chung Chin Hing.

Memorandum Perjanjian ditandatangani oleh D. Kamarudin dan No'man bagi pihak UMS manakala Biosain Technologies Sdn Bhd diwakili oleh dua pengarahnya iaitu Mr Cheong Sung Yan dan Mr. Chung Chin Hing.

Mengikut perjanjian itu, Biosain Technologies Sdn. Bhd akan menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM100,000 manakala UMS akan memperuntukkan RM70,000 bagi membiayai penyelidikan bersama itu.

Mohd Harun berkata beliau gembira dengan pencapaian salah seorang daripada penyarah Fakulti Kejuruteraan UMS Dr Jidon Adrian Janaun yang berjaya menghasilkan pengering Lamb (Lamb Dryer) yang telah dikomersialkan dan seterusnya mendatangkan hasil sekitar RM80,000 kepada universiti berkenaan melalui bayaran lesen.

"Kita berterima kasih kerana ada syarikat tempatan yang melihat potensi dan nilai komersial sistem proses pemulihan minyak yang sedang diusahakan oleh Dr Jidon.

"Dr. Jidon dan pasukannya berusaha membangunkan teknologi untuk mendapatkan kembali sisa minyak daripada Palm Oil Mill effluent (POME)," katanya.



PERTUKARAN DOKUMEN...D.Kamarudin (empat dari kanan) dan Chung Chin Hing (kanan sekali) bertukar dokumen perjanjian, disaksikan oleh No'oman (tiga dari kanan) dan Cheong Sung Yan (dua dari kanan).



TERIMA CEK...D.Kamarudin menerima replika cek RM100,000 untuk menjayakan penyelidikan itu daripada Cheong Sung Yan. Turut kelihatan, Chung Chin Hing, Dr.Jidon (tiga dari kanan), No'man (empat dari kanan) dan Dayang Rukiah (kiri sekali).